

## **SOALAN-SOALAN LISAN**

### **MESYUARAT KEDUA TAHUN KEDUA DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN**

**PERSIDANGAN KETIGA  
11 JULAI 2024 (KHAMIS)**

---

#### **1. YB ENCIK AZMAN BIN NOH (PENGKALAN BAHARU)**

Di dalam Plan Perak Perak Sejahtera 2030 keterjaminan makanan di beri keutamaan bagi mencapai matlamat ini.

Soalan saya.

- i. Bagaimana kah rakyat di luar sana dapat juga terlibat mengusahakan tanaman sedangkan mereka tidak mempunyai tanah untuk bercucuk tanam.
- ii. Adakah perlu bagi kerajaan memudah dan mempercepatkan permohonan lesen menduduki sementara (LMS) bagi membolehkan mereka mengusahakan tanaman paling tidak untuk kegunaan sendiri andai ada lebih boleh jual.

#### **2. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)**

Sumber Jabatan Perikanan Perak menyatakan jumlah nelayan darat di Perak telah mencecah seramai 2,000 orang. Kebanyakan nelayan darat yang tulin dan berlesen adalah dari golongan B40 dengan pendapatan yang rendah. Mereka terpaksa melakukan kerja-kerja sampingan untuk meningkatkan pendapatan.

- a) Adakah pihak kerajaan menyediakan latihan kemahiran teknikal kepada nelayan darat seperti pembuatan bot atau tangki gentian kaca (fiber optic), penyelenggaraan enjin sangkut, pemberian dan penternakan ikan dan udang?
- b) Adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan pusat penternakan udang dan ikan air tawar di Ulu Kenas, Kuala Kangsar sebagai pusat pengeluaran ternakan akuakultur secara komersial?

#### **3. YB PUAN KOO HAI YEN (KERANJI)**

Kampung Baru

- a) Sila nyatakan usaha kerajaan negeri untuk mempromosikan produk dan industri di Kampung Baru?
- b) Sila nyatakan usaha Kerajaan Negeri untuk menarik lebih banyak orang muda supaya balik ke Kampung Baru untuk memajukan ekonomi tempatan?

#### **4. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)**

Nyatakan perancangan kerajaan dalam meningkatkan akses dan perluasan perkhidmatan Perak Transit buat rakyat Dun Behrang.

#### **5. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY ( HUTAN MELINTANG )**

Kesejahteraan Wanita

1. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan kesejahteraan wanita di kawasan Hutan Melintang?
2. Bagaimana kerajaan negeri membantu wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga di kawasan ini?
3. Adakah terdapat program khas untuk memperkasakan ekonomi wanita di Hutan Melintang?

#### **6. YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD ( BOTA )**

Berapa banyak peruntukan yang telah digunakan oleh kerajaan untuk mempromosikan Tahun Melawat Perak 2024 bagi setiap daerah?

- a) Mohon penjelasan pihak exco tentang aktiviti-aktiviti menarik pelancong yang dilaksanakan dipersisiran Sungai Perak?
- b) Dalam tempoh 6 bulan pertama berapa banyakkan pendapatan Negeri hasil daripada aktiviti pelancongan?

#### **7. YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)**

Kenderaan EV.

- a) Berapakah jumlah "charging station" bagi kenderaan EV yang telah dibina di Negeri Perak?
- b) Apakah insentif-insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan lebih penggunaan EV di kalangan rakyat serta menggalakkan pembekal perkhidmatan untuk memasang "charging station" di Negeri Perak?
- c) Nyatakan tempat-tempat yang sedia pasang "charging station" di Negeri Perak setakat bulan Mei 2024.

#### **8. YB PUAN WONG CHAI YI (SIMPANG PULAI )**

Enakmen Hotel

- a) Sila nyatakan jumlah pengusaha hotel dan rumah penginapan yang telah mendaftar setakat ini.

- b) Adakah hotel yang berada di luar kawasan PBT perlu memohon lesen ini?
- c) Sila nyatakan macam mana kutipan caj perkhidmatan tempatan akan diagihkan.

#### **9. YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)**

Perpustakaan Awam semakin kurang mendapat sambutan orang awam khususnya di zaman digital ini.

- a) Berapakah pengunjung yang dicatatkan oleh Perpustakaan Awam Taiping untuk tempoh 6 bulan yang pertama tahun 2024 dan sepanjang tahun 2023?
- b) Apakah usaha yang akan dijalankan untuk menarik minat orang awam ke perpustakaan awam serta meningkatkan budaya membaca?
- c) Adakah Perpustakaan Awam Taiping akan ditambah baik dengan unsur-unsur baru atau transformasi untuk menarik minat orang awam?

#### **10. YB ENCIK SALEHUDDIN BIN ABDULLAH ( SELINSING )**

- a) Apakah persediaan pihak kerajaan atau pelan kontigensi dalam menghadapi fenomena La Nina yang dijangka bermula Julai 2024 yang akan mengganggu dan menjelaskan pesawah padi?
- b) Kos upah penggunaan jentera dalam industri pengeluaran padi dijangka meningkat seperti kos upah mesin traktor dan mesin penuaian padi akibat kenaikan harga diesel. Apakah perancangan dan tindakan pihak kerajaan bagi membantu pesawah padi yang akan terkesan dengan kos tersebut?

#### **11. YB ENCIK GOH SEE HUA ( PASIR PINJI )**

Pencurian kabel TM menyebabkan masalah keselamatan kepada para pengguna jalan apabila manhole tersebut tidak ditutup sepenuhnya. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh agensi yang terlibat untuk membanteras kejadian ini?

#### **12. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)**

Belanjawan dan peruntukan untuk sektor kesihatan daripada kerajaan negeri:

- i. Peruntukan kerajaan negeri Perak kepada sektor kesihatan bagi program kesedaran dan pemerkasaan adalah ditetapkan pada RM250,000.00 dalam belanjawan semasa. Rintihan sektor kesihatan adalah jumlah ini tidak mencukupi dan telah pun habis dalam jangka masa 6 bulan sahaja.

Ini adalah kerana negeri Perak mempunyai 14 buah hospital, 88 buah klinik kesihatan dan lebih daripada 100 buah klinik kesihatan desa. Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk meningkatkan peruntukan kepada sektor kesihatan dalam belanjawan akan datang untuk menjalankan program-program kesedaran secara lebih meluas atas dasar mencegah lebih baik daripada mengubati.

- ii. Klinik-klinik kesihatan dan klinik-klinik desa mengalami kedesakan dan cabaran birokrasi apabila terdapat peralatan ataupun kerja-kerja baik pulih berskala kecil yang perlu dilaksanakan dengan segera tetapi tidak dapat berbuat demikian disebabkan oleh isu birokrasi dan proses yang panjang melalui Jabatan Kesihatan Negeri kepada Kementerian Kesihatan Malaysia. Perkara ini menimbulkan suasana kerja yang tidak optimum di pusat-pusat perubatan kerajaan dan secara tidak langsung menjelaskan kebajikan rakyat. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memperuntukan peruntukan dalam belanjawan akan datang untuk kerja-kerja baik pulih, penyelengaraan dan pengantian asset secara kecilan berjumlah kurang daripada RM5000.00 contohnya supaya isu birokrasi dan cabaran suasana yang tidak efektif dapat diselesaikan.

#### **13. YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN ( CHENDEROH )**

Pada awal Mei 2024, Kerajaan Negeri Perak telah bersetuju untuk membekalkan air kepada Pulau Pinang melalui Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian ke Seberang Perai:

- \* Berapakah jumlah meter padu yang akan disalurkan setiap hari kepada Pulau Pinang setiap hari.
- \* Berapakah jumlah pendapatan yang boleh diperolehi oleh Kerajaan Negeri.
- \* Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji penurunan harga takrif air kepada rakyat negeri ini dengan menampung kos tersebut hasil keuntungan penjualan air mentah ke Negeri Pulau Pinang.

#### **14. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG ( ASTAKA )**

Gangguan bekalan elektrik yang kerap telah berlaku di daerah Manjung pada tahun 2024.

1. Berapakah aduan gangguan bekalan elektrik yang telah direkodkan di Daerah Manjung setakat Jun 2024?
2. Apakah sebab utama berlakunya gangguan bekalan elektrik yang kerap di Daerah Manjung?
3. Apakah langkah penyelesaian oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah gangguan elektrik di Daerah Manjung?

**15. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI ( KUALA KURAU )**

APAKAH STATUS TERKINI BERKAITAN CADANGAN DAN PERMOHONAN UNTUK MEMBINA SEBUAH DEWAN ORANG RAMAI YANG SERBA LENGKAP DI PEKAN KUALA KURAU BAGI KEGUNAAN MASYARAKAT SETEMPAT?

**16. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN ( KAMPONG GAJAH )**

Apakah perancangan atau perkembangan bagi projek baikpulih Kompleks Pasir Salak dan terutamanya Green Village Pasir Salak Eco River Resort?

**17. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN ( AYER KUNING )**

MASALAH BERKAITAN DENGAN PENEROKA-PENEROKA HARAM YANG BERLELUASA SEHINGGA MENYUSAHKAN PELABUR SERTA PIHAK BERKUASA TEMPATAN UNTUK MEMULAKAN SESUATU PROJEK YANG MEMBERI HASIL KEPADA KERAJAAN NEGERI UNTUK MEMASTIKAN PELAN PERAK SEJAHTERA 2030 TERLAKSANA DENGAN JAYANYA

1. APAKAH LANGKAH KERAJAAN NEGERI UNTUK MEMBANTU PARA PELABUR MENYELESAIKAN MASALAH PENEROKA HARAM
2. ADAKAH KERAJAAN BOLEH MENGGUBAL SEMULA UNDANG-UNDANG TANAH NEGERI BAGI MEMASTIKAN KEPENTINGAN BERSAMA KEDUA-DUA BELAH PIHAK TERJAGA KHUSUSNYA KEPADA PELABUR YANG BAKAL MEMBERI HASIL KEPADA KERAJAAN NEGERI

**18. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN ABDUL AZIZ ( KAMUNTING )**

Permasaalahana Flat Sri Kurau, Kamunting

1. Pengurusan Sampah yang tidak terurus
2. Sistem Perparitan yang tidak sempurna
3. Sistem Pembuangan sisa air yang uzur

Soalan

1. Apakah Status pemilikan Geran Flat Sri Kurau
2. Bila dapat di selesaikan pemilikan geran ini
3. Agensi manakah yang bertanggungjawab ke atas permasaalahana Flat Sri Kurau ini?

**19. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH ( MALIM NAWAR )**

Pengusaha Tani

1. Nyatakan bilangan usahawan tani mengikut daerah yang telah dibangunkan di negeri Perak dan jumlah pengusaha tani yang terlibat dalam program usahawan tani di Dun Malim Nawar.
2. Apakah strategi kerajaan untuk mengembangkan potensi usahawan tani di negeri Perak dan nyatakan peratusan kekosongan tanah bagi pertanian mengikut daerah di negeri Perak?
3. Apakah tindakan kerajaan dalam membanteras pengusaha tani haram di negeri Perak dan juga di Dun Malim Nawar?

**20. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)**

Mohon dinyatakan perkembangan semasa projek tebatan banjir yang sedang dilaksanakan terutama di Dun Behrang.

**21. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL ( CHANGKAT JERING )**

Apakah status projek PPRT Larut Permai Mukim Pengkalan Aur Daerah Larut Matang dan Selama yang sebelum ini dinamakan PRT Air Kuning dimana ianya telah di swastakan kepada RH Konsortium yang melibatkan 29 rumah penduduk yang telah terbengkalai hampir dua tahun.

**22. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG ( CEHNDERIANG )**

Apakah dasar atau polisi oleh pihak berkuasa tempatan dalam undang - undang terhadap pemilik haiwan ternakan yang dibiarkan berkeliaran dan boleh menyebabkan kemalangan sehingga menyebabkan kecederaan serta kehilangan nyawa?

**23. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA ( RUNGKUP )**

Lumut Maritime industrial City ( LUMIC) dalam Daerah Manjung, merupakan satu pelaburan besar ( 72 Billion ) dan jangka masa panjang ( 25 tahun ) serta akan membuka 51,000 peluang pekerjaan. Sebagai daerah bersebelahan dan infra seperti jambatan yang dibina bagi memendekkan jarak bagi mempermudahkan logistik antara kedua daerah, adakah Daerah Bagan Datuk termasuk dalam perancangan pelaburan dan menjadi sebahagian daripada pembangunan limpahan daripada Pelaburan LUMIC itu sendiri? Jika ada, apakah yang akan dilaksanakan di Daerah Bagan Datuk?

**24. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH ( MALIM NAWAR)**

PENURAPAN JALAN DAN PEMASANGAN LAMPU DI JALAN SELIAN JKR NEGERI PERAK

Saya mendapati hampir 2 tahun jalan selian JKR terutama di jalan-jalan negeri tidak berturap baru atau diselenggara di negeri Perak.

1. Nyatakan status kontrak di antara JKR negeri Perak dengan pihak konsesi bagi kerja-kerja penyelenggaran dan membaikpulih jalan-jalan negeri seliaan JKR negeri Perak.
2. Berapakah peruntukan yang telah disalurkan dari tahun 2020 hingga 2024 untuk kerja-kerja penurapan dan penyelenggaraan bagi jalan negeri seliaan JKR negeri Perak?
3. Apakah perancangan pihak JKR negeri Perak untuk menyelesaikan isu ketiadaan lampu jalan di beberapa lokasi di kawasan Daerah Batu Gajah seperti di Jalan Sg. Durian - Tanjung Tualang, dan dari Jambatan Jalan Tronoh Mines ke Kg Timah?

**25. YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN ( KENERING)**

Berkenaan;

BASMI MISKIN TEGAR

Adakah terdapat sebarang perancangan oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan tanah-tanah kerajaan yang baharu di buka di kawasan DUN Kenering, bagi menyediakan tapak Projek Perumahan Rakyat (PPR,) Rancangan Rumah Tersusun (RPT) dll. Kepada Rakyat miskin di Daerah Hulu Perak. Jika ada perancangan tersebut, Mohon YAB Menteri Besar nyatakan Lokasi dan perolehan bajet untuk membangunkan kawasan dan infra tersebut.

**26. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN ( KAMPONG GAJAH)**

Jalanraya dari Felcra Changkat Lada ke Kampung Selat Pulau atau Pekan Rabu amat sempit, menjadi laluan utama penduduk setempat dan kenderaan berat membawa hasil sawit. Juga terdapat dua ramp sawit di jalan tersebut. Apakah ada kerja-kerja melebarkan laluan tersebut?

**27. YB ENCIK NGA KOR MING ( KEPAYANG )**

Pemeliharaan hutan simpan kekal dalam negeri

2. Minta YAB Menteri Besar Perak nyatakan apakah usaha dan langkah-langkah yg sedang dilakukan utk memelihara hutan simpan kekal (HSK) dalam negeri Perak selaras dengan agenda SDG 2030 yang ditetapkan oleh pertubuhan bangsa-bangsa bersatu.

**28. YB PUAN WONG MAY ING ( PANTAI REMIS )**

Isu perosak ulat kelapa sawit semakin serius. Sila nyatakan tempat yang terlibat di Negeri Perak serta keluasan tanah dan apakah tindakan telah diambil oleh pihak kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil kelapa sawit.

**29. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN ( CANNING )**

Bilangan dan Peratusan Penduduk Miskin

Apakah bilangan dan peratusan penduduk Perak yang miskin (pendapatan RM1500 ke bawah) mengikut kawasan DUN, pecahan jantina & ras?

**30. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN ( TRONG )**

Terdapat aktiviti ekonomi perlombongan tanah liat dan pasir di Dun Trong di bawah seliaan Perbadanan Menteri Besar Perak. Berapakah hasil pendapatan kerajaan pada tahun 2020 hingga 2023 melalui perlombongan ini?

**31. YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL( SLIM )**

1. APAKAH TINDAKAN PIHAK JABATAN VETERINAR DAN MAJLIS DAERAH BERKENAAN LEMBU YANG BERKELIARAN SEHINGGA MENYEBABKAN KEMALANGAN?
2. APAKAH AKTA YANG AKAN DIKENAKAN BAGI PENTERNAK YANG LANGGAR SYARAT?
3. APAKAH JALAN PENYELESAIAN UNTUK MEMBERI PENGAJARAN KEPADA PENTERNAK?

**32. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN ( LUBOK MERBAU )**

Baru-baru ni diumumkan keputusan SPM terbaik di seluruh Malaysia adalah salah sebuah sekolah tahfiz di Pahang. satu pencapaian yang sangat membanggakan dan patut dicontohi oleh sekolah-sekolah lain.. soalan saya, adakah pihak kerajaan negeri ada perancangan untuk mewujudkan semula Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Kuala Kangsar? Sebelum ni SMTDR daerah Kuala Kangsar ada dibuka di Lasah tapi telah ditutup pada tahun sekitar 2020.

**33. YB ENCIK ONG BOON PIOW ( BERCHAM )**

Tentang pembangunan EV dalam negeri Perak.

- i. Sila jelaskan mengapa di bangunan-bangunan di bawah kerajaan negeri (seperti SUK PERAK), GLC dan PBT amat kekurangan atau tiada pengecas kenderaan EV, untuk membantu pembangunan EV serta pengurangan pembebasan karbon.

ii. Adakah agensi-agensi kerajaan ada pelan untuk menukar kenderaan kuasa bahan api kepada EV?

iii. Sila senaraikan bilangan pengecas berbayar (DC fast charge) terdapat di negeri Perak setakat ini berbanding negeri lain?

**34. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA ( GUNONG SEMANGGOL )**

Apakah usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri dalam memperkasa industri padi di negeri Perak bermula daripada peringkat pembekalan sehingga pemasaran yang boleh menguntungkan rakyat juga dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dan pengeluaran beras tempatan di negeri ini?

**35. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN ( PASIR PANJANG )**

- a) Mohon pihak Kerajaan nyatakan status terkini pembangunan Bandar Perindustrian Maritim Lumut (LuMIC).
- b) Di peringkat pembangunan LuMIC, berapa banyakkah peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan telah terhasil?

**36. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)**

Seringkali menerima aduan daripada penduduk setempat mengadu bahawa tiada tindakan yang diambil terhadap tanah-tanah lot kosong yang dipenuhi semak-semun sehingga membawa kacau ganggu walaupun Pihak Berkuasa Tempatan telah mengeluarkan notis kepada pemilik premis tetapi seringkali tidak dapat mencapai pemilik premis. Apakah pelan tindakan dan perancangan selanjutnya oleh kerajaan negeri bagi menangani masalah sedemikian? Sila nyatakan carta aliran secara terperinci dari peringkat penerimaan aduan.

**37. YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN ( SELAMA )**

APAKAH STATUS PERMOHONAN PERUNTUKAN KHAS (PROJEK/BEKALAN) YANG TELAH DIPOHON KEPADA YAB MENTERI BESAR PERAK?

**38. YB ENCIK CHEAH POU HIAN ( JELAPANG )**

Menurut tinjauan Isipadu Sisa Kebangsaan 2014 yang dijalankan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan Malaysia (JPSPN), isipadu harian per kapita isi rumah di luar bandar dan dalam bandar masing-masing ialah 0.68 kg dan 0.8 kg. Akan tetapi pemahaman isi rumah berkaitan dengan penglibatan komuniti dalam pengurusan sisa dan amalan kitar semula adalah tidak memuaskan.

Lebih-lebih lagi, cara pelupusan sisa makanan yang tidak sesuai akan membawa kepada pencemaran alam, oleh hal yang demikian, kerajaan negeri dan tempatan perlu memperuntukkan peruntukan yang tinggi untuk meringankan isu sosial jangka panjang ini. Persoalan saya ialah:

- a) Adakah kerajaan negeri mempunyai sebarang langkah atau rancangan untuk menangani masalah sisa makanan?
- b) Adakah kerajaan negeri sedang mempertimbangkan inisiatif untuk menukar sisa makanan kepada baja dan tenaga?

**39. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN ( PENGKALAN HULU )**

Kawasan Hutan Simpan Kekal

- 3.1 Dalam usaha kerajaan negeri membantu kerajaan pusat mengekalkan 50% kawasan hutan simpan, berapakah luas kawasan hutan simpan di Negeri Perak yang dikekalkan untuk tujuan itu?
- 3.2 Apakah insentif dari kerajaan pusat kepada kerajaan negeri atas usaha perak mengekalkan kawasan hutan serta berapa kos kepada kerajaan negeri bagi memastikan kawasan hutan simpan ini terpelihara?